

03 AUG 2002

LID-Pemimpin/I

PEMIMPIN SAMBUT BAIK KEBERKESANAN LID

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Ketua negara/kerajaan yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 LID (Global 2002 LID), menyuarakan rasa puas hati mereka terhadap forum itu yang telah membantu negara membangun bergerak ke hadapan dan berhadapan dengan isu-isu globalisasi dengan yakin.

Para pemimpin terhutang budi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengilhamkan dialog itu dan berharap beliau akan menyertai secara aktif selepas bersara.

Presiden Ghana John A. Kufour berkata beliau tertarik sekali dengan moral keseluruhan idea perkongsian pintar LID yang diterjemahkan kepada sikap bijaksana, persaingan dan kerjasama dalam semangat perkongsian.

"Saya berpendapat, tanpa sifat-sifat ini, globalisasi pasti menjadi masalah kepada semua negara miskin di Afrika dan kebanyakan tempat lain di Dunia Ketiga... saya dapati, dalam kumpulan ini, kita tidak bersendirian, kami merupakan sebahagian daripada rangkaian untuk berhadapan dengan globalisasi yang tanpanya, masa depan kita kelam dan membimbangkan," katanya pada sidang media bersama dengan para pemimpin pada akhir sesi Global 2002 LID di sini hari ini.

Perdana Menteri Mauritius, Sir Aneerood Jugnauth, berkata banyak idea yang tercetus daripada dialog itu yang boleh dibawa pulang dan difikirkan serta dilaksanakan bagi memperbaiki taraf hidup penduduk di negaranya.

Langkah itu, katanya akan menjadikan dunia ini lebih pintar.

Sir Aneerood berkata sesi dialog akan datang juga akan terus mengajar para peserta dengan pelbagai perkara, memperkayakan pengalaman serta menyelesaikan masalah negara masing-masing.

Beliau yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai guru, berkata : "Saya yakin Dr Mahathir akan tetap bersama kami."

Pemimpin Swaziland, Raja Mswati III berkata LID merupakan forum yang konstruktif untuk penduduk di negara membangun berkongsi idea mengenai cara meningkatkan pembangunan di negara masing-masing dengan mempelajari daripada pengalaman negara lain.

"Dialog ini sangat bermakna dan banyak membantu kami semua," katanya.

Swaziland akan menjadi tuan rumah Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) Global 2003 pada September tahun depan.

Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 meliputi SAID dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Dr Specioza Wandira Kazibwe, Naib Presiden Uganda pula mencadangkan supaya dialog perkongsian pintar memasukkan peserta yang lebih tua, yang dinamakannya sebagai "Club 25", melambangkan era 1920-an - zaman kebanyakan pemimpin lahir, selain mereka yang kurang upaya.

Kazibwe yang aktif mempromosikan isu-isu wanita dan belia dalam dialog itu gembira kerana sesi kali ini turut melibatkan generasi muda menerusi Club 29.

Presiden Zimbabwea Robert Mugabe yang turut memuji dialog perkongsian pintar itu berkata ia telah membolehkan pengalaman dan kejayaan negara peserta dalam kumpulan itu, diterjemahkan menjadi dasar negara masing-masing.

Beliau berkata ini telah membolehkan negara-negara di Afrika membina satu kesatuan di kalangan mereka sendiri dan antara benua Asia.

Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili berkata beliau gembira dialog itu membolehkan kumpulan berkenaan mendapat tenaga dan

sinergi baru, ilham dan memberi kuasa kepada negara-negara peserta melalui perbincangan.

Beliau berkata walaupun cerita mengenai kejayaan Malaysia berbeza daripada negara-negara Afrika, Dr Mahathir tidak tamak untuk berkongsi pengalamannya menerusi perkumpulan itu.

Ini memberi laluan kepada negara-negara Afrika untuk mempelajari amalan yang baik yang telah membawa kemajuan kepada Malaysia dalam tempoh yang singkat," katanya.

-- BERNAMA

AFY MFZ SHY TS NHD LAT